



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***APLIKASI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI DALAM PENGURUSAN  
INSTITUSI WAKAF DI SELANGOR***

***NIK MOHD SAIFUL BIN W MOHD SIDIK***

**FEM 2015 27**



**APLIKASI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI DALAM PENGURUSAN  
INSTITUSI WAKAF DI SELANGOR**

Oleh

**NIK MOHD SAIFUL BIN W MOHD SIDIK**



**Tesis Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, dalam Memenuhi Keperluan Ijazah Master Sains  
Jun 2015**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar, dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia

**PENGHARGAAN KHAS**

**KEPADА ARWAH AYAH DAN ARWAH UMMI**

W. MOHD SIDIK HUSSIN & TUAN ZAINAB TUAN ABDULLAH

**KEPADА ADIK-BERADIK**

NIK SHAZWANI, NIK SALIEHAN, NIK SHALIEHAH & NIK MOHAMAD  
SALLEHUDDIN

**KEPADА AHLI KELUARGA LAIN**

BIDAH MAHAT, TUAN AMRAN TUAN ABDULLAH, TUAN HASSAN TUAN  
ABDULLAH & AHMAD HAMBALI HASBULLAH

**DAN KEPADA SEMUA KAWAN-KAWAN.**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**APLIKASI SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI DALAM PENGURUSAN  
INSTITUSI WAKAF DI SELANGOR**

Oleh  
**NIK MOHD SAIFUL BIN W MOHD SIDIK**

**Jun 2015**

**Pengerusi: Amaludin Ab. Rahman, PhD**

**Fakulti: Ekologi Manusia**

Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji potensi bagi mengaplikasikan perisian berteknologi tinggi Sistem Maklumat Geografi (GIS) ke dalam pengurusan dan pentadbiran institusi wakaf yang kini diuruskan berdasarkan undang-undang Islam. Kajian dijalankan menerusi rekabentuk kualitatif yang merupakan kajian bukan eksperimental yang menjurus kepada kajian kes yang dijalankan di negeri Selangor. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) dan temu bual terhadap pegawai-pegawai di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Penganalisisan data adalah dengan menggunakan aplikasi GIS (*Geographical Information System*) iaitu ArcGIS versi 9.3. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) adalah pemegang amanah yang bertanggungjawab menguruskan urusan harta wakaf di Selangor. Di Selangor, terdapat 832 lot tanah yang direkod sebagai tanah yang diwariskan oleh MAIS. Dari 832 lot tanah tersebut, 517 diletakkan di bawah kategori wakaf am dan selebihnya di bawah kategori wakaf khas. Tanah ini digunakan sebagai tapak pembinaan untuk masjid, rumah anak-anak yatim dan sekolah. Data harta wakaf perlu dikemaskini dengan cara yang sistematik kerana ia boleh memudahkan pengurusan dan perancangan. Penggunaan perisian GIS dapat membantu untuk mencapai pengurusan harta wakaf yang lancar. Tanah wakaf boleh dipindahkan kepada bentuk peta dan dikategorikan mengikut potensi kegunaannya dengan menggunakan perisian ini. Setelah dikategorikan, tanah-tanah ini boleh dianalisis dan digunakan untuk pembangunan perancangan yang boleh memberikan manfaat kepada komuniti. Sistem ini boleh dipercayai dan patut dikomersialisasikan untuk penggunaan seluruh negara. Hasil dapatan, pengkaji telah mengenal pasti potensi aplikasi GIS di dalam pengurusan Institusi Wakaf di Negeri Selangor. Kedudukan (*positioning*) dan penjenisan institusi wakaf semasa di Selangor dapat dikenal pasti melalui pemetaan. Potensi pembangunan institusi wakaf juga dikenal pasti dengan merujuk kepada masalah-masalah tanah wakaf di Selangor. Kajian ini dapat memberi input terhadap potensi pembangunan institusi wakaf yang berperanan untuk memberi akses kepada pembangunan umat Islam. Dengan ini juga, keperluan dan pembangunan institusi wakaf dapat dilaksanakan secara efektif dan tersusun yang akhirnya menyumbang kepada kemajuan negara.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**APPLICATION OF GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM IN WAQF INSTITUTIONAL MANAGEMENT IN SELANGOR**

By

**NIK MOHD SAIFUL BIN W. MOHD SIDIK**

**June 2015**

**Chairman: Amaludin Ab. Rahman, PhD**

**Faculty: Human Ecology**

This study was performed to study the opportunities for applying Geographic Information System (GIS) into the management and administration of waqf institutions that are currently managed based on Islamic law. The study are using qualitative method of design which is not an experimental study leading to a case study conducted in the Selangor state. Data were collected using content analysis method and interviewing officials at Selangor Islamic Religious Council (MAIS). Data was analyzed by using Geographical Information System software, ArcGIS version 9.3. Majlis Islam Selangor (MAIS) is the responsible fiduciary arranging affairs waqf assets in Selangor. In Selangor, there are 832 parcels of land which were recorded as waqf land under MAIS. Out of 832 parcels, 517 parcels are placed under the category of general waqf and the rest under the category of special waqf. These land has been used for building mosque, home for orphans and schools. Waqf property data should be updated in a systematic way because it can simplify the management and planning. GIS software can help to achieve a smooth management of waqf property. Waqf land can be transferred to the form of maps and classified according to its potential use by using this software. Once classified, the land can be analyzed and used for development planning provides various benefits to the community. The system is reliable and should be used nationwide. From this study, it was found that there are high potential applications of GIS in the management of Waqf Institution in Selangor. Location and the categories of Waqf institutions in Selangor can be displayed and identified by mapping. Potential development of Waqf Institutions can be determined based on waqf land problems in Selangor. This study hopes to provide input on potential development Waqf Institution whose role is to provide access to the development of Muslims community. With this, needs and development of waqf institutions can be effectively implemented and configured that ultimately contribute to the advancement of the country.

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Amaludin Ab. Rahman untuk bimbingan beliau dan galakan. Beliau juga telah membantu saya dalam penulisan tesis dan memberikan komen berharga untuk diperbaiki. Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Prof. Dr. Zaid Ahmad dalam memberi komen yang membina dan input dalam tesis saya. Terima kasih juga kepada penyelia bersama saya, Dr. Alias Mohd Sood dalam memberikan bantuan dalam bentuk nasihat teknikal di dalam data pengumpulan dan analisis.

Tidak lupa juga rakan-rakan saya, Nurul Azra dan Amir Asraf yang membantu saya dalam pengumpulan data. Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada Jonathan Teng Yi Chuon untuk bantuan dan nasihat beliau dalam menganalisis data tesis. Tidak ketinggalan kepada Mohd Razali dan Siti Nor Azhani dalam memberi galakan dalam penulisan tesis.

Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada UPM untuk membiayai kerja-kerja penyelidikan saya melalui *Graduate Research Fellowship* (GRF). Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga saya dalam memberikan kebenaran untuk belajar Sarjana di UPM serta galakan dan iringan doa daripada mereka.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Amaludin Ab. Rahman, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Zaid Ahmad, PhD**

Profesor

Fakulti Ekologi Manusia

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

**Alias Mohd Sood, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Perhutanan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 22 Oktober 2015

## **PERAKUAN**

### **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran, atau material lain seperti dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: 15 Oktober 2015

Nama dan No. Matrik: Nik Mohd Saiful W. Mohd Sidik (GS27451)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakui bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2010-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

**Amaludin Ab. Rahman, PhD**

Tandatangan: \_\_\_\_\_

**Zaid Ahmad, PhD**

Tandatangan: \_\_\_\_\_

**Alias Mohd Sood, PhD**

## SENARAI KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN PEMERIKSA</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>GLOSARI</b>	xii

### BAB

<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Konsep dan Pengurusan Wakaf	3
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Sumbangan Kajian	6
1.5 Definisi Konsep Operasional	7
1.5.1 Institusi Wakaf	7
1.5.2 Aplikasi GIS	7
1.6 Masalah Kajian	7
1.7 Limitasi Kajian	8
1.8 Kesimpulan	8
<b>2 TINJAUAN LITERATUR</b>	9
2.1 Pengenalan	9
2.2 Wakaf	9
2.2.1 Takrif dari Segi Bahasa dan Istilah	9
2.2.2 Sejarah Wakaf Dalam Islam	11
2.2.3 Falsafah Dan Konsep Wakaf	13
2.2.4 Hukum Wakaf	15
2.2.5 Fatwa Berkaitan Wakaf	17
2.2.6 Jenis-jenis Wakaf	19
2.2.7 Wakaf dari Segi Perundangan	20
2.3 Pengurusan Institusi Wakaf	25
2.3.1 Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	25
2.4 Geografi	29
2.4.1 Geografi Dalam Zaman Moden	30
2.5 Sistem Maklumat Geografi	30
2.5.1 Pengenalan kepada Sistem Maklumat Geografi	30
2.5.2 Kepentingan Sistem Maklumat Geografi	33
2.5.3 Keperluan Sistem Maklumat Geografi Dalam Pengurusan Institusi Wakaf	34
2.5.4 Perisian ArcGIS versi 9.3	35
2.6 Kesimpulan	36

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	37
3.1	Pengenalan	37
3.2	Reka Bentuk Kajian	37
3.3	Lokasi Kajian	38
3.4	Kaedah Kajian	39
3.5	Pengumpulan Data	40
3.5	Penganalisaan Data	40
3.6	Kesimpulan	43
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	44
4.1	Pengenalan	44
4.2	Potensi Aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) di dalam Pengurusan Institusi Wakaf di Negeri Selangor	45
4.3	Kedudukan dan Penjenisan Institusi Wakaf Semasa di Selangor	53
4.3.1	Taburan Lokasi Tanah Wakaf	54
4.3.2	Taburan Lokasi Mengikut Jenis Tanah Wakaf	57
4.3.3	Taburan Lokasi Mengikut Status Kegunaan Tanah Wakaf	61
4.3.4	Taburan Lokasi Mengikut Jenis Bangunan Tanah Wakaf	65
4.4	Potensi Wakaf	70
4.5	Permasalahan Pengurusan Harta Wakaf	72
4.6	Kesimpulan	73
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	74
5.1	Pengenalan	74
5.2	Rumusan	74
5.3	Implikasi	75
5.3.1	Aplikasi GIS	75
5.3.2	Ilmu Pengetahuan Wakaf	76
5.4	Cadangan	76
5.4.1	Manfaat Ekonomi	77
5.4.2	Manfaat Sosial	77
5.4.3	Sistem Perundungan dan Birokrasi	77
5.4.4	Pengurusan Pentadbiran	78
5.5	Kesimpulan	78
<b>RUJUKAN</b>		79
<b>LAMPIRAN</b>		86
<b>BIODATA PELAJAR</b>		94

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
1	Kedudukan Tanah Wakaf di negeri Selangor 2008	27
2	Bilangan Dan Jumlah Keluasan Tanah Wakaf Mengikut Daerah Di Selangor	54
3	Taburan Lokasi Mengikut Jenis Tanah Wakaf Di Selangor	58
4	Taburan Lokasi Mengikut Status Kegunaan Tanah Wakaf Di Selangor	62
5	Senarai Tanah Wakaf Tidak Ditemui Di Selangor Berserta Koordinat	64
6	Taburan Lokasi Mengikut Jenis Bangunan Tanah Wakaf Di Selangor	66

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Organisasi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	26
2	Contoh Cara Pangkalan Data bagi GIS	31
3	Contoh Cara Pemetaan bersama alat pegang tangan	32
4	Contoh Cara Model GIS	32
5	Taburan Tanah Wakaf di Malaysia	35
6	Contoh Muka Depan Perisian ArcGIS versi 9.3	36
7	Peta Negeri Selangor	38
8	Carta Alir Keseluruhan Aktiviti Kajian	39
9	Carta Alir Analisis Sistem Maklumat Geografi (GIS)	42
10	Pemetaan Tanah Wakaf Daerah Gombak	45
11	Pemetaan Tanah Wakaf Daerah Hulu Langat	46
12	Pemetaan Tanah Wakaf Daerah Hulu Selangor	47
13	Pemetaan Tanah Wakaf Daerah Klang	48
14	Pemetaan Tanah Wakaf Daerah Kuala Langat	49
15	Pemetaan Tanah Wakaf Daerah Kuala Selangor	50
16	Pemetaan Tanah Wakaf Daerah Sabak Bernam	51
17	Pemetaan Tanah Wakaf Daerah Petaling	52
18	Pemetaan Tanah Wakaf Daerah Sepang	53
19	Carta Bilangan Tanah Wakaf Mengikut Daerah di Selangor	55
20	Peta Taburan Lokasi Tanah Wakaf Negeri Selangor	56
21	Carta Bar menunjukkan bilangan penjenisan wakaf bagi setiap daerah di Selangor	58
22	Peta Taburan Lokasi Mengikut Jenis Tanah Wakaf Di Selangor	60
23	Peta Taburan Lokasi Mengikut Status Kegunaan Tanah Wakaf Di Selangor	63
24	Peta Taburan Lokasi Mengikut Jenis Bangunan Tanah Wakaf Di Selangor	67
25	Pemetaan Tanah Wakaf Serta Penjenisannya Di Seluruh Selangor	69
26	Contoh Tanah Wakaf Yang Kosong Di Daerah Sepang	71

## **GLOSARI**

EPAIN	Enakmen Pengurusan Agama Islam Negeri
ESRI	Institut Penyelidikan Sistem Alam Sekitar
GIS	Sistem Maklumat Geografi
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JUPEM	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
KTN	Kanun Tanah Negara
MAIJ	Majlis Agama Islam Johor
MAIM	Majlis Agama Islam Melaka
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri-negeri
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
RMK-9	Rancangan Malaysia Ke-9

## BAB I

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Islam amat mengambil berat terhadap kemajuan dan pembangunan ekonomi bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Rata-rata negara Islam dikaitkan dengan kemunduran dan kemiskinan. Dalam konteks pemilikan harta, Islam tidak melarang umatnya untuk mencari dan memperoleh harta dengan cara halal. Namun Islam melarang daripada mengamalkan sifat bakhil atau sayangkan harta tanpa mempedulikan hak orang miskin dan golongan yang memerlukan. Kisah Qarun (*al-Qashah*: 76-84) dan at-Thasa'lubah (*at-Taubah*: 75) telah diceritakan di dalam Al-Quran sebagai pengajaran kepada umat Islam. Islam menggalakkan umatnya membelanjakan harta yang dimiliki dengan pelbagai cara bagi mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T. (*al-Imran*: 114-115, *al-Anbiya'*: 73-90, *al-Mukminun*: 57-62, *al-Fatir*: 32, *al-Muzammil*: 20).

Mewakafkan harta merupakan amalan lazim dalam kalangan umat Islam terdahulu. Maksud hadis:

Bahawa Sayidina Umar r.a pernah berkata: "Wahai Rasulullah S.A.W., saya telah memperoleh harta yang saya tidak pernah peroleh sebelum ini dan saya ingin menghampiri Allah S.W.T. menerusinya. Lalu jawab Rasulullah S.A.W., Tahankan (wakafkan) asal harta itu dan sedekahkan hasilnya. Lalu Sayidina Umar r.a jadikan hartanya itu, (tanah perolehan di Khaibar sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, dibeli dan diwarisi)" (Hadis riwayat Bukhari)

Wakaf memainkan peranan yang penting dalam pembasmian kemiskinan, pembangunan infrastruktur asas, pendidikan, penyediaan kemudahan kesihatan. Puteri Zubaidah (isteri Khalifah Harun al-Rashid) membina jalan daripada Baghdad hingga ke Mekah untuk kemudahan jemaah haji menggunakan harta Wakaf. Sultan Murad II membangunkan Bandar Ergene dengan menggunakan harta Wakaf. Dalam era pemerintahan kerajaan Saljuk di bawah Empayar Othmaniah dari pertengahan abad ke-8 sehingga ke-19, ribuan individu mewakafkan harta untuk kemajuan masyarakat. Ini termasuklah pembinaan kompleks Suleymaniye (1556) di Istanbul, yang terdiri dari dua buah makam, empat buah madrasah, institusi pendidikan, sekolah perubatan, hospital, kolam mandi, tempat penyediaan dan penyajian makanan, rumah tumpangan, pusat perniagaan, Imaret (Pusat Penyediaan Makanan / Public Kitchen). Terdapat 83 pusat seumpama ini dibina di bawah pemerintahan kerajaan Uthmaniah dengan menggunakan harta Wakaf.

Dalam konteks Malaysia pula, sehingga tahun 2005 telah terdapat 35,727 hektar tanah wakaf dengan nilai RM1.2 bilion. Ini menunjukkan bahawa wujud kesedaran di kalangan masyarakat Islam untuk berwakaf. Terdapat dua kaedah wakaf iaitu secara khas (untuk tujuan Masjid dan Tanah Perkuburan) dan wakaf am (bagi tujuan untuk memajukan kedudukan ekonomi umat Islam). Contohnya seperti pembangunan kompleks pejabat di Jalan Tun Perak Kuala Lumpur.

Bagi tujuan pembangunan tanah wakaf pada tahun 2004, kerajaan Malaysia telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di bawah Jabatan Perdana Menteri, dengan tujuan untuk memastikan perancangan, penyelarasian dan pelaksanaan dasar pembangunan tanah wakaf dipantau dengan lebih berkesan demi kemajuan ummah. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM250 juta dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) untuk program pembangunan tanah wakaf. Begitu juga dengan penubuhan Yayasan Wakaf Malaysia bagi membantu Majlis Agama Islam Negeri dan pihak lain yang ingin membangunkan tanah wakaf. Tanah-tanah wakaf adalah milik Majlis Agama Islam Negeri selaku pemegang amanah tunggal yang terdiri daripada tanah komersial dan berpotensi dibangunkan untuk kemajuan umat Islam. Sehingga kini 23 projek pembangunan sedang dilaksanakan (19 projek fizikal) dan (4 projek bukan fizikal).

Berdasarkan kepada sejarah pembangunan berdasarkan institusi Wakaf yang telah lama dilaksanakan dalam konteks pembangunan Ummah, maka kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kedudukan (pemetaan) dan status institusi Wakaf semasa terutama sekali di Negeri Selangor. Maklumat ini dapat memberi input terhadap potensi pembangunan institusi Wakaf yang berperanan untuk memberi akses kepada pembangunan umat Islam. Dengan ini juga keperluan dan pembangunan institusi Wakaf dapat dilaksanakan secara efektif dan tersusun yang akhirnya menyumbang kepada kemajuan negara.

Kajian ini merupakan kajian awal berkaitan dengan pembangunan institusi Wakaf dalam pembangunan ummah yang akan dijalankan di negeri Selangor. Institusi Wakaf memainkan peranan yang penting dalam menjana kemajuan dan pembangunan ekonomi masyarakat Islam. Usaha ini pernah dilaksanakan dalam sejarah tamadun Islam. Islam amat mengambil berat terhadap usaha untuk memperoleh harta dan membelanjakan harta ke arah kebaikan dan kebajikan. Islam memerangi sifat kedekut dan tamak tanpa mempedulikan kehidupan masyarakat yang miskin. Pelaksanaan sistem Wakaf telah menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Islam terdahulu. Sistem Wakaf pernah diamalkan oleh Saidina Umar r.a dan dalam pemerintahan kerajaan Islam iaitu pemerintahan Harun al-Rashid. Bandar Ergane dibangunkan dengan menggunakan harta wakaf. Begitu juga dengan usaha yang dilakukan oleh kerajaan Islam Saljuk.

Pembangunan institusi wakaf di Malaysia mampu membangunkan ummah dengan perancangan secara yang teliti serta bersistematik. Ini memandangkan di Malaysia terdapat banyak tanah atau harta Wakaf yang mempunyai potensi

besar jika dibangunkan secara komersial. Kerajaan memberi tumpuan untuk membantu Majlis Agama Islam Negeri untuk membangunkan institusi wakaf. Ia dilaksanakan melalui Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9) dengan wujudnya Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2005. Banyak projek pembangunan harta wakaf telah dirancang untuk dilaksanakan.

### 1.1.1 Konsep dan Pengurusan Wakaf

Berdasarkan peruntukan di dalam Jadual Kesembilan Senarai 2 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, pengurusan wakaf adalah di bawah pihak berkuasa agama negeri-negeri, iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Baharuddin Sayin et.al, 2006). Jika dilihat kepada negeri Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) adalah satu badan berkuasa agama negeri yang bertanggungjawab di dalam pengurusan harta wakaf. Pengurusan harta wakaf termasuklah pendaftaran tanah wakaf dan pentadbiran harta wakaf itu sendiri (Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2006).

Menurut Siti Mashitoh yang diambil dari kitab karangan *Al-Sarakhsi & syams al-Din*, (1996), Wakaf berasal dari kalimah bahasa Arab ‘waqf’ diambil dari kata kerja ‘fi’il ‘waqafa’ yang bermaksud menahan ‘al-habs’ dan menegah ‘al-man’ di mana ia merupakan kata terbitan atau masdar bagi waqafa yang bererti menahan sesuatu atau memenjarakan. Menurut bahasa, wakaf bermaksud terhenti, tertegah, terbeku atau tertahan (Mahmud Saedon, 1998). Perkataan mewakafkan juga bererti memberikan atau menyerahkan harta seperti tanah bagi tujuan keagamaan sama ada untuk dijadikan tapak perkuburan, mendirikan masjid dan seumpamanya supaya orang ramai dapat memanfaatkannya (Nik Mustapha, 2009). Menurut Akta Pemegang Amanah 1949, wakaf bermaksud menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah.

Urusan wakaf merupakan urusan harta keagamaan yang disenaraikan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Mengikut peruntukan ini urusan wakaf dan pentadbirannya diperuntukkan di dalam enakmen-enakmen atau akta pentadbiran undang-undang Islam negeri-negeri di Malaysia (Siti Mashitoh, 2005). Bagi negeri Selangor wujudnya Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999 (no.7)<sup>1</sup>. Enakmen ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 23 Disember 1999 dan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2004. Di dalam enakmen ini jelas menyatakan bahawa Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf. Melalui peruntukan ini, pihak MAIS sebagai pemegang amanah tunggal seharusnya mengendalikan harta wakaf mengikut segala syarat dan ketetapan yang telah dibuat oleh pewakaf bagi memajukan

<sup>1</sup> Lihat Gazet Sel, P.U.8. bertarikh 25 jun 2004 melalui P.U.Sel AGM 0026.

lagi harta wakaf agar manfaatnya dirasai sekalian umat Islam. Urusan tanah wakaf juga disebut di dalam Kanun Tanah Negara (Akta No.56 tahun 1965) di mana urusan wakaf boleh dirujuk di dalam seksyen-seksyen yang berikut:

- i. Seksyen 4(2) – Kecualian;
- ii. Seksyen 5 – Tafsiran;
- iii. Seksyen 76(aa)(ii) dan (iii) – Pengertian pemberimilikan;
- iv. Seksyen 416C – Peruntukan-peruntukan mengenai hak-hak dalam keseluruhan atau sebahagian tanah berimilik yang terletakhak pada penerima pindahan.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Pembangunan dan penyelenggaraan aset wakaf adalah di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi harta wakaf. Harta wakaf ini perlu diselia dan dibangunkan bagi memenuhi niat pewakaf untuk mendapat ganjaran pahala yang berpanjangan hasil daripada manfaat yang diterima atas pemberian yang telah diwakafkannya. Harta wakaf merupakan satu amanah yang seharusnya dipertanggungjawabkan ke atas pemegang amanah terutama dalam memastikan tujuan dan hasrat asal pewakaf tercapai (Aidi Ahmi et.al, 2005). Menurut Mohd Saharudin Shakrani et.al, (2003), institusi wakaf di Malaysia masih tidak berfungsi sebaik mungkin dalam membangunkan ekonomi ummah.

Walaupun terdapat garis panduan pengurusan wakaf yang boleh diamalkan di Malaysia, namun begitu pelaksanaan pengurusan wakaf oleh nazir atau *mutawalli* (MAIN) sebenarnya agak tidak selari. Ini termasuklah beberapa permasalahan yang timbul, antaranya adalah permasalahan pendaftaran pemilikan. Walaupun Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri memperuntukkan Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) selaku pemegang amanah yang tunggal bagi harta tanah wakaf negeri berkaitan, namun pada masa ini masih terdapat harta tanah wakaf yang masih hak miliknya di atas nama individu, jawatankuasa masjid atau kariah atau nama pewakaf itu sendiri. Situasi harta tanah wakaf yang masih didaftarkan dengan pelbagai pemegang hak milik sukar dikesan dan ditentukan jenis wakafnya dan ditadbir secara berasingan oleh Pemegang Amanah masing-masing. Tanpa pemilikan yang sah, permohonan untuk membangunkan tanah wakaf tidak akan diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan terdedah kepada tindakan undang-undang oleh pihak-pihak berkepentingan. Proses undang-undang atau mahkamah akan melibatkan kos dan tempoh masa yang lama. Malahan jika pewaris berjaya dalam tuntutannya kerana kekaburuan maklumat atau tiada rekod yang lengkap, sudah pasti pihak MAIN akan menanggung kerugian dan terpaksa membayar balik segala pungutan hasil wakaf kepada pewaris sejak dahulu lagi. Tanah-tanah wakaf yang belum didaftarkan dan tidak terletak di bawah kawalan MAIN ini terdedah kepada pengambilan balik tanah, ahli waris dan pencerobohan secara sewenang-wenangnya. Tanah wakaf yang telah didaftarkan pula kebanyakannya dalam bentuk Wakaf Khas yang tidak berdaya maju. Wakaf dalam bentuk Am pula adalah terhad.

Permasalahan yang kedua adalah tiadanya pangkalan data yang lengkap mengenai harta wakaf tersebut. Keadaan ini menyukarkan usaha pembangunan dan merugikan semua pihak. Sebagai contoh, terdapat sebanyak 2,477 lot tanah yang diwakafkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ), hanya 70% daripadanya yang didaftar dan direkodkan. Manakala 30% lagi tidak direkodkan. Ini bermakna, terdapat 30% tanah wakaf yang masih belum ditukar hak milik dan tidak diketahui dengan sebenar lokasi, saiz dan pemilikan tanah-tanah tersebut. Ini berlaku di semua negeri. Terdapat percanggahan jumlah tanah wakaf di bawah pengurusan MAIN justeru data yang tidak lengkap dan dikemaskinikan. Hakikatnya banyak harta tanah wakaf yang tiada rekod dan maklumat sistematik. Meskipun JAWHAR telah mengambil inisiatif mengumpulkan maklumat tanah wakaf di semua negeri, namun malangnya ada MAIN yang kurang memberi kerjasama, membuatkan pengumpulan maklumat tersebut belum mencapai tahap maksimum.

Oleh itu, melalui kajian yang dijalankan, dapat melengkapkan lagi sistem pangkalan data bagi harta tanah-harta tanah wakaf tersebut. Usaha ini perlu bagi memantapkan lagi pengurusan institusi wakaf di Malaysia. Pangkalan data dapat memberi input terhadap potensi pembangunan institusi wakaf seterusnya membangunkan ummah Islam khususnya. Dengan ini juga keperluan dan pembangunan institusi wakaf dapat dilaksanakan secara efektif dan tersusun yang akhirnya menyumbang kepada kemajuan negara.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mencapai beberapa objektif, iaitu:

1. Mengenal pasti potensi aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) di dalam pengurusan institusi wakaf di negeri Selangor.
2. Mengenal pasti kedudukan dan penjenisan institusi wakaf semasa di negeri Selangor.
3. Mengenal pasti potensi pembangunan institusi wakaf dalam pembangunan ummah di negeri Selangor.
4. Mengenal pasti permasalahan sistem pengurusan institusi wakaf di negeri Selangor.

## **1.4 Sumbangan Kajian**

Kajian ini memberi tumpuan kepada isu dan masalah yang berkaitan pengurusan dan pembangunan harta wakaf serta GIS diaplikasikan bagi memudahkan urusan pentadbiran Institusi Wakaf di Malaysia. Sebenarnya, kedudukan dan permasalahan institusi wakaf di Malaysia masih banyak dan ketara. Masalah pentadbiran, masalah penafsiran terhadap fungsi harta wakaf dan halangan perundungan merupakan masalah utama yang menjadi kekangan utama institusi wakaf di Malaysia gagal dilaksanakan sepenuhnya. Selain masalah utama tadi, terdapat lagi beberapa masalah sampingan seperti masalah kewangan, masalah pengguna bukan Islam, tiada bantuan atau kemudahan dalam mendapatkan modal juga begitu membebankan pihak Majlis Hal Ehwal Agama.

Maka, kepentingan kajian ini boleh dibahagikan kepada:

1. Negara- pihak berwajib perlu mengkaji semula peruntukan perundungan yang telah sekian lama menjadi halangan dalam pembangunan harta wakaf seperti yang dijelaskan dalam pernyataan masalah. Ini bertujuan supaya harta wakaf yang mempunyai nilai tinggi boleh dibangunkan untuk memberi pulangan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Islam.
2. Organisasi- memberi kesedaran dan idea kepada organisasi iaitu pihak yang dipertanggungjawab untuk menguruskan institusi wakaf supaya menjalankan amanat sebaik mungkin dalam usaha membangunkan sosioekonomi masyarakat Islam. Perancangan dan pengurusan yang berkesan serta seragam mampu mencegah kepincangan dalam pentadbiran seterusnya mampu menjana pulangan yang positif untuk kebajikan sejagat.
3. Masyarakat- masyarakat lebih memahami akan kegunaan dan fungsi institusi wakaf terhadap kebajikan bersama. Mereka sepatutnya bersama-sama melibatkan diri dalam amalan wakaf ini kerana selain dijanjikan pahala berterusan oleh Allah SWT, mereka juga dapat bersama-sama membantu meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Islam iaitu pembangunan negara.
4. Individu- membentuk keperibadian yang mulia dalam diri setiap orang Islam serta bersama-sama menjaga, membangun dan memanfaatkan harta wakaf untuk kebajikan yang berterusan.

## **1.5 Definisi Konsep Operasional**

### **1.5.1 Institusi Wakaf**

Institusi wakaf dalam kajian ini merujuk kepada harta-harta wakaf seperti tanah perkuburan, masjid, rumah kediaman, rumah kedai dan sebagainya yang berada di bawah tanggungjawab pentadbir harta wakaf iaitu JAWHAR dan juga MAIS.

### **1.5.2 Aplikasi GIS**

Aplikasi GIS merupakan satu sistem yang mana data-data yang sedia ada diolah, disusun, di analisa dan dipamerkan bagi kemudahan pihak pentadbiran dalam menjalankan urusan pentadbiran. Di samping itu juga, pentadbiran seharusnya mengaplikasikan kemudahan terkini dan berteknologi tinggi bagi urusan pentadbiran. Ini kerana maklumat bakal berada di hujung jari mereka dan dapat dipamerkan dalam pelbagai bentuk persembahan.

## **1.6 Masalah Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji berhadapan dengan pelbagai masalah. Namun begitu, masalah sedemikian tidak boleh dijadikan alasan sehingga menggugat perjalanan penyelidikan itu. Pendedahan ini bertujuan memberi perkongsian maklumat sebagai pedoman dalam menjalankan kajian-kajian lain terutama pada peringkat yang lebih tinggi.

Pengkaji menghadapi masalah yang besar dalam aspek pemerolehan data tanah wakaf dan peta tanah lot. Pada peringkat awal penyelidikan, pengkaji sukar mendapatkan kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam Selangor bagi menjalankan kajian di negeri tersebut. Beberapa siri surat permohonan kebenaran dihantar dan penerangan teliti juga telah diberikan kepada pihak berwajib. Sebagai ‘orang luar’ agensi terbabit, pengkaji tidak dipercayai memandangkan segala maklumat tanah wakaf adalah sulit. Setelah kebenaran diperoleh, pengkaji juga menghadapi kesukaran dalam mengakses data-data tersebut memandangkan data-data terbabit berada di dalam Buku Log Pendaftaran Tanah Wakaf. Pengkaji mengambil masa kira-kira dua minggu untuk disalin kesemua data terbabit. Berikutan masalah di atas, pengkaji sukar mendapat informan yang mampu memberi maklumat tepat bagi menjawab persoalan kajian.

## **1.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini hanya dijalankan untuk mengenalpasti status, potensi dan juga jenis wakaf di negeri Selangor yang kemudiannya dipetakan menggunakan sistem maklumat geografi (GIS). Oleh kerana kajian hanya dijalankan di negeri Selangor, iaitu salah satu lokasi yang berada dalam negara Malaysia, maka kajian ini tidak relevan untuk menggambarkan keadaan pengurusan institusi wakaf sepenuhnya di Malaysia.

## **1.8 Kesimpulan**

Wakaf adalah penahanan sesuatu harta yang telah diberi oleh seseorang yang dipanggil pewakaf kepada pihak pemegang amanah untuk diuruskan agar harta tersebut dapat memberi manfaat secara kekal bagi tujuan kebajikan kepada masyarakat umum terutamanya golongan yang lebih memerlukan dan tujuan pewakaf mewakafkan hartanya adalah dengan harapan mendapat pahala yang berpanjangan lagi harta wakafnya memberi manfaat kepada orang ramai.

Di Malaysia, didapati institusi wakaf masih berdepan dengan beberapa masalah yang menjadikan manfaatnya tidak digembeling sepenuhnya dalam memberi akses kesejahteraan hidup dan kualiti hidup dalam pembangunan ummah.

Kesimpulannya, potensi, peranan dan fungsi serta keperluan dan perancangan pengurusan institusi wakaf perlu dikenalpasti agar pembangunan ummah dapat dijalankan dengan lebih realistik dan efisyen dengan pengaplikasian teknologi terkini bagi memenuhi tuntutan arus perdana masa kini. Ini perlu agar pembangunan ummah yang dapat dirasai memberi impak kepada kemajuan negara.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Manat. 2007. Isu-Isu Semasa Berhubung Pembangunan Tanah Wakaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(1), 53-71.
- Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Dazdir. t.thn. *Syarh Soghir 'Ala Aqrab al-Masalik*. Jil. 4. Dar al-Ma'ruf Bimisr.
- Ahmad Dahlan Salleh & Nik Abdul Rahim Nik Abd. Ghani. 2006. *Al-Istibdal (Penggantian) Harta Wakaf Menurut Perspektif Islam*. Di dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam. Anjuran Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM & Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 8-9 Ogos 2006.
- Ahmad Zaki Abd. Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman & Norzaidi Mohd. Daud. 2008. *Wakaf: Pengurusan Dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Di Malaysia*. Shah Alam: UPENA, UiTM.
- Aidi Ahmi, Mohd Herry Mohd Nasir & Mohd Hisham Mohd Sharif. 2005. *E-Wakaf: Ke Arah Pengurusan Wakaf Yang Lebih Sistematik*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan E-Komuniti 2005, UKM.
- Akta Pemegang Amanah. 1949. Akta 208.
- Al-Islam. 2007. Tanah Wakaf Berpotensi dibangunkan Secara Komersial. Disember 2007.
- Al-Quran Al-Karim*
- al-Ramli, Shams al-Din Muhammad bin Abi ^ Abbas Ahmad bin Hamzah. 1993. *Nihayah al-Muhtaj lla Syarah al-Minhaj*. Jil. 5. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsy, Syams al-Din. 1996. *al-Mabsut*, vol.12, Beirut: Dar al-Ma'arifah, h, 27 : Mustafa Al-Khin et.al. 2005. *al-Fiqh al-Manhaji*, J, 2 Cetakan 7, Damsyik: Dar al-Qalam, Hlmn, 213 dalam Siti Mashitoh Mahamood. 2007. Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15: 2, 2007.
- al-Sarakhsy, Syams al-Din. 1996. *al-Mabsut*. Jil. 12. Beirut, Dar al-Ma'arifah.
- al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. t.thn. *Nayl al-Awtar: Syarh Muntaqa al-Akhbar*. Jil. 6. Kaherah, Maktabah Dar al-Turas.
- Al-Yaacubi, 1960, *Tarikh al-Yaacubi*, Beirut: Dar Sader Press.
- al-Yaacubi. 1960. *Tarikh al-Yaacubi*. Beirut, Dar Sader Press.

- al-Zuhayli, Wahbah. 1995. *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh*. Jil. 8. Damsyik, Dar al-Fikr.
- Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad, Asnarulkhadi Abu Samah, Nurdeng Duraseh, Nurul Azra Ab. Malik & Nik Mohd Saiful W Mohd Sidik. 2011. *Peranan Institusi Wakaf Dalam Pembangunan Komuniti: Keperluan Sistem Maklumat Geografi (Geographic Information System)*. Kertas Kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-3. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 8-10 Februari 2011.
- Aronoff, S. 1989. *Geographical Information System: A Management Perspective*. Ottawa: WDL Publication.
- Asnarulkhadi Abu Samah. 2003. *Pengenalan Pembangunan Komuniti*. Serdang Selangor.
- Baharuddin Sayin, Asmak Hj. Ali dan S. Salahudin Suyurno. 2006. *Pengenalan Pengurusan Wakaf di Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Burrough, P.A. 1986. *Principle of Geographical Information Systems For Land Resource Assessment, Monograph on Soil and Resource Survey in Third World Countries*. New York: Oxford University Press.
- Che Zuina Ismail. 2010. *Pengurusan Institusi Wakaf Di Malaysia: Cabaran dan Masa Depan Dalam Pembangunan Tanah Wakaf*. Kertas Kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Islam Dalam Masyarakat Malaysia (PAIMM), 5-6th Oktober 2010, Universiti Malaya.
- Chua Y. P. 2006. *Kaedah Penyelidikan Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Ehlers. 1993. *E. Le Waqf et le Ville Du Moyen-Orient Islamique; Une Introduction*. Bil. 24. Coll, Urbama.
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999, No. 7/1999.
- Enakmen/ Akta Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Negeri.
- Enakmen Pentadbiran Agam Islam Negeri Selangor. 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) No. 5 Tahun 2005.
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No.7, Tahun 1999.
- Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) No. 5 Tahun 2005.

- Enakmen Wakaf Negeri Selangor. 1999.
- Ghazali Othman & Rohayu Abdul Ghani. 2007. *Penggunaan Institusi Wakaf Sebagai Mekanisme untuk Membasmi Masalah Kemiskinan*. Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Sains Sosial. Anjuran Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia.
- Gribb, M.F. 1984. *The Combining of Geographic and Other Information System to Create a New Type of Information System*. Kertas Kerja dibentang di 44<sup>th</sup> Annual Meeting of American Congress Surveying and Mapping. New York: Academic Press.
- Hadis riwayat al-Shaikhan; Bukhari dan Muslim.
- Hadith Riwayat Bukhari. *Kitab al-Syurut: Bab Syurut Fi al-Waqf*. No.2737. Muslim: *Kitab al-Wasiah: Bab al-Waqf*. No. 1632.
- Hadith Riwayat Muslim: *Kitab al-Wasiah: Bab Ma Yalhiq al-Insan Min al-Thaub Ba da Wafatih*: No. 1631.
- Harris, B. 1965. New tools for planning. *Journal of the American Institute of Planners*. 31: 90-94
- Hasan Hafizi Hanapi & Mohamad Idris Ramli. 2010. Struktur Organisasi Pengurusan Baitulmal Di Negeri: Ke Arah Penstrukturan Terbaik. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1), 105-121.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abdullah Ahmad, Syams al-Din Abi al-Faraj Abd al-Rahman bin Abi Umar Muhammad bin Ahmad. 1984. *al-Mughni Wa Syarh al-Kabir*. Jil. 6. Beirut-Lubnan, Dar al-Fikr.
- Ibnu Kathir, Ismail bin 'Umar. 2000. *Tafsir Ibnu Kathir*. Cet. 2. Dar al-Salam.
- Ibnu Qudamah, Abdullah Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Qudamah. *al-Mughni Li Ibni Qudamah*. Mesir, Matbaah al-Amin.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2006. *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*. Jabatan Wakaf Zakat dan Haji.
- Kamarudin Ngah. 1992. *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Ngah. 1992. *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56).
- Khali, A.H. 2001. *Remote Sensing, GIS and GPS as a Tool to Support Precision Forestry Practices in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di

Konferens Ke-22 dalam Remote Sensing, Singapura. 5-9 November 2001.

Khalid Harub Fauzan al-Haidab. t.thn. *Athr al-Wakaf 'Ala al-Dawah Ila Allah Taala*. Masyru' al-Asham al-Wakfiyyah.

M. Jandra bin Moh. Janan. 2008. *Memproduktifkan Wakaf: Pengalaman Indonesia*. Prosiding, Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat Dan Wakaf. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd. Hal. 419.

Maguire, D.J., M.F. Goodchild dan D.W. Rhind. 1992. *Geographic Information Systems: Principles and Applications*. Essex: Longman Group U.K.

Mahmud Saedon Awang Othman. 1998. *Peranan Wakaf di dalam Pembangunan Ummah*. Al-Ahkam Jilid 6. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mansur Yunus Idris al-Bahuti. 1999. *Kassyaf al-Qina'*. Jil. 4. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.

Mohd Afendi Mat Rani. 2008. *Fatwa Wakaf Di Malaysia: Analisa Khusus Fatwa Pengambilan Tanah Wakaf Oleh Pihak Berkuasa Negeri*. Prosiding, Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat Dan Wakaf. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Mohd Afendi Mat Rani. 2010. Mekanisme Istibdal Dalam Pembangunan Tanah Wakaf: Kajian Terhadap Isu Pengambilan Tanah Wakaf Oleh Pihak Berkuasa Negeri Di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1), 1-40.

Mohd Dani Muhammad & Baharuddin Sayin. 2006. *Wakaf Dan Bandar Islam: Satu Perspektif Sejarah*. Prosiding Seminar Kebangsaan; Pengurusan Harta Dalam Islam. Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd.

Mohd Saharudin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor & Jamal Ali. 2003. Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11(2), 73-98.

Mohd Zain Haji Othman. 1982. *Islamic Law With Special Reference To The Institution of Waqf*. Kuala Lumpur. Fakulti Syariah, Universiti Malaya.

Mohd Zain Haji Othman. 1982. *Islamic Law With Special Reference To The Institution of Waqf*, 1982. Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd Zamro Muda, Wafaa' Yusof & Zamzuri Zakaria. 2006. *Konsep Harta dan Kepentingan Pengurusannya Menurut Perspektif Islam*. Kertas Kerja dibentangkan di dalam prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam. Anjuran Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM & Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, 8-9 Ogos 2006.

- Mohd Zawawi Zainal Abidin. 2006. *Pengurusan Tanah Wakaf Di Negeri Pahang: Satu Tinjauan*. Prosiding Seminar Kebangsaan; Pengurusan Harta Dalam Islam. Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd.
- Muhammad Abu Zahrah. 1971. *Muhadharat Fi al-Wakf*. Cet. 2. Kaherah, Dar al-Fikr al-Arabi.
- Mustafa al-Khin. 2005. *al-Fiqh al-Manhaji*. Jil. 2. Cet. 7. Damsyik, Dar al-Qalam.
- Narimah Samat & Tarmiji Masron. 2008. *Sistem Maklumat Geografi Dalam Analisis Guna Tanah*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Nasir Nayan. 2010. Manual ArcGIS<sup>TM</sup> : *Amali ArcMap<sup>TM</sup> dan ArcCatalog<sup>TM</sup>*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 2009. *Pendekatan Wakaf Dalam Membangun Ekonomi Masyarakat*. Malaysia
- Osman Sabran. 2002. *Pengurusan Harta wakaf*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Portal Hamdard laboratories (Waqf) Pakistan, <http://www.hamdard.com.pk/index.html> dicapai pada 10 Disember 2010.
- Portal Islamic Relief Worldwide, <http://www.islamic-relief.comukwaqfindex.htm> dicapai pada 7 Disember 2010.
- Portal Islamic Relief Worldwide, [http://www.islamic-relief.comukwaqffunded\\_waqf.htm](http://www.islamic-relief.comukwaqffunded_waqf.htm) dicapai pada 7 Disember 2010.
- Portal Islamic Relief Worldwide, <http://www.islamic-relief.comwhereworkDefault.aspxdepID=4> dicapai pada 7 Disember 2010.
- Portal Pengurusan Maklumat@JAWHAR, <http://119.110.108.126/spmwj/> dicapai pada 29 Jun 2011.
- Portal Supreme Court of the United States, [http://supremecourt.gov.bd/act\\_files/act\\_326.html](http://supremecourt.gov.bd/act_files/act_326.html) dicapai pada 10 Disember 2010.
- Portal United Kingdom Islamic Education Waqf. <http://www.ukiew.org>. Dicapai pada 8 Disember 2010.
- Portal Universiti Kebangsaan malaysia, <http://pkukmweb.ukm.myhadharisitesdefaultfilesprosidingp8.pdf> dicapai pada 30 November 2010.

Portal Universiti Kebangsaan Malaysia,  
<http://pkukmweb.ukm.my/hadharisites/default/files/prosidingp8.pdf> dicapai pada 7 Disember 2010.

Razali Othman & Rohayu Abdul Ghani. 2007. *Penggunaan Institusi Wakaf Sebagai Mekanisme Untuk Membasmi Masalah Kemiskinan*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Sains Sosial: Sains Sosial Teras Pembangunan Modal Insan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.

Ridzuan Awang. 1994. *Undang-Undang Tanah Islam - Pendekatan Perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ridzuan Awang. 1994. Undang-undang Tanah Islam: Pendekatan Perbandingan. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rohayu Abdul Ghani & Razali Othman. 2009. Kuasa Barat Dan Implikasinya Terhadap Pengurusan Institusi Wakaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(2).

Ruslan Rainis & Noresah Md. Shariff. 1998. *Pengenalan kepada Sistem Maklumat Geografi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Samhudi. 1972. *Khulasat al-Wafa bi Akhbar*. Medina: Dar al-Mustafa.

Sayyid 'Alawi bin Tahir al-Haddad. 1981. *Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Johor*. Cet. 3. Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor.

Sayyid Sabiq. *Fiqh al-Sunnah*. Jil. 3. Dar al-Kitab al-'Arabi.

Shofian Ahmad. 2008. *Wakaf Tunai: Peranan Dan Keistimewaan Dalam Sistem Ekonomi Islam*. Prosiding, Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat Dan Wakaf. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Siti Mashitoh Mahamood. 2001. *Bagaimana Membuat Wakaf*. Kuala Lumpur, Jabatan Syariah dan Undang- Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Hal. 3.

Siti Mashitoh Mahamood. 2003. *Undang-Undang Pentadbiran Harta Wakaf di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Siti Zalikhah Md. Nor. 2008. *Pengurusan Wakaf Negeri-Negeri Di Malaysia*. Prosiding, Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat Dan Wakaf. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Sohaimi Mohd. Salleh. 2008. *Peranan Dan Cabaran JAWHAR Dalam Pembangunan Dan Pengurusan Wakaf Dan Mal*. Prosiding, Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat Dan Wakaf. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

- Sohaimi Mohd Salleh & Syarqawi Muhammad. 2008. Waqaf Development In Malaysia: Issues And Challenges. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 2(1), 13-35.
- Star & Estet. 1990. *Geographic Information System: an Introduction*. New Jersey, Prentice-Hall.
- Syahnaz Sulaiman. 2008. Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak. *Jurnal Muamalat*. Bil.1/2008.
- Syaikh Nizam. t.thn. *al-Fatawa al-Hindiyyah*. Jil. 2. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Syams al-Din Muhammad bin Abi al-Abbas Ahmad bin Hamzah. 1993. *Nihayah al-Muhtaj lla Syarh al-Minhaj*. Jil. 5. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Syamsuddin Muhammad bin al-Khatib al-Syarbaini. 1998. *Mughni al-Muhtaj*. Jil. 2. Dar al-Fikr.
- The Waqfs Ordinance. 1962. East Pakistan Ordinance No. 1 of 1962: Act 326.
- Tomlinson, R. F. 1989. Geographic Information Systems - Challenge for the 1990s. Kertas Kerja dibentang di *Geographic Information Systems Conference*: Energy, Mines and Resources Canada, Ottawa. 27 February - 3 March 1989.
- Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Tahun 1955 (1375).
- Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perak Bil. 11 Tahun 1965.
- Yaacob Yusoff. 1989. *Konsep Pembangunan Dalam Islam*. Kertas kerja dibentangkan di Kursus Kefahaman Dan Penghayatan Islam II, Universiti Pertanian Malaysia.
- Zuhdi Yakan. 1966. *al-Mukhtasar Fi al-Wakf*. Jil. 1. Beirut, Matba'ah Samiyyan.